

MEMULAKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID WASHINGTON

[Di dalam suratnya Tuan HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), pujangga Indonesia yang terkenal itu yang sedang melawat Amerika sekarang, telah menyatakan bahawa ia telah dipinta menjadi khatib, bagi jemaah yang pertama di dalam masjid di Washington (yang gambarnya telah pernah dijadikan gambar hadiah Qalam). Ia berkhotbah adalah dengan bahasa Arab dan difaham oleh semuanya yang menjadi cogan bahasa persaudaraan di dalam Islam. Ia juga menjadi imam sembahyang Jumaat di sana. bacalah suratnya supaya kita seolah-olah bersama-sama dengannya di dalam lawatannya itu-p]

Washington pada 16 September 1952-

Saudara-saudara pengarang mejalah Qalam

yang dihormati.

*Bersama dengan surat ini saya kirimkan
sebuah guntingan dari surat khabar harian:*

“The Washington Daily News” yang terbit pada hari

Isnin 15 September yang baharu lalu. Adapun

masjid di Washington ini terdiri atas

muafakat wakil-wakil negara-negara Islam. Jadi

bukan sekali-kali kerana dakwah Amerika dan

bukan pula atas ongkosnya, sebagaimana

fitnah-fitnah yang selalu disiarkan oleh kaum

komunis. Di Indonesia ada pula lajnah untuk membantu

mengumpulkan wang, dan ketuanya ialah saya sendiri.

Pemerintah Amerika kerana memegang dasar demokrasinya tentu

tidak keberatan kita mendirikan masjid di sana. Tetapi bangsa

Amerika sendiri tetap berpegang teguh kepada agama Kristiannya.

Masjid itu baharu seperdua yang selesai menaranya amat

indah menurut bentuk menara-menara di Mesir dan Turki. Sekarang

telah memulau dipakai untuk sembahyang Jumaat di sebelah bawah.

Setiap hari Jumaat datanglah umat Islam segala bangsa:

Indonesia, Turki dan lain-lain semuanya terikat

di dalam kalimah syahadatin. Sehingga di dalam masjid itu


mereka menjadi satu. Dan orang-orang Amerika yang

ingin tahu, ada juga dua atau tiga orang, baik

laki-laki atau perempuan yang datang menengok sehingga disediakan

kerusi buat tetamu—kebetulan pada hari Jumaat 12

September yang baharu lalu. Itu, pengurus masjid telah



menjemput saya menjadi imam dan khatib. Maka

berkhotbahlah saya di dalam bahasa Arab. Gembiralah hati

saudara-saudara kita terutama bangsa Arab sendiri sebab

di Indonesia rupanya bahasa Arab itu tersiar dengan

luasnya. Setelah khutbah maka saya pun menjadi imam. Sedang

sujud telah diambil gambarnya oleh wartawan Amerika yang

kebetulan hadir pada hari itu. Hairan dan kagumlah

dia dan teman-temannya melihat demokrasi Islam, sebagai yang

ditulisnya di surat khabar itu. Satu si antara perkataan saya

ketika di interview, tetapi tidak dimuatnya ialah: “kening

kami ini hanya sujud kepada Allah! (kebetulan kening saya

ada kesan sujud) dan kami umat Islam amat pantang

merundukkan dahi kepada yang lain”.

Sekian dahulu khabar berita saya ini insha-Allah lain

hari kita sambung:

Wassalam: Al-Haji Abdul Malik Karim Amrullah.

KADI BESAR KELANTAN DENGAN PERGAULAN PEREMPUAN

[Rencana Kadi Besar Kelantan. Di dalam Majalah Qalam yang lalu, telah memberi suatu kenyataan yang berlawanan dengan yang telah diberinya kepada wakil akhbar tempatan dan kerana itulah kita katakana keterangannya itu “terbalik”. Perkataan itu telah menaikkan tidak puas hatinya lalu memberi lagi kenyataan kepada wakil-wakil akhbar menyatakan keterangan itu adalah benar. Kita suka menarik perhatian umum bahawa pada mulanya ia meluluskan pergaulan “jika memberi manfaat” dan kemudian di dalam makalahnya di dalam majalah ia ini menyatakan bahawa pergaulan itu hendaklah mengikut yang dibenarkan oleh al-Quran dan Hadith. Dengan itu maka orang tertentu tertanya-tertanya dan hairan – yang mana daripada perkataannya yang hendak dipegang. Juga kita telah menerima banyak surat-surah daripada Kelantan termasuklah surat beberapa orang ulama yang tidak berkenan kepada keterangan kadi kita yang seolah-olahnya ia hendak mencari telinga kirinya dengan tangan kirinya berpusing ke sebelah kanan. Supaya masalah ini jelas maka semolek-moleknya kita membaca makalah yang ditulis oleh sahabat lamanya di bawah ini- yang juga tidak berkenan dengan keterangan itu-p)

(Oleh Jaafar Albar)

Saya telah membaca tulisan Kadi Besar Kelantan berkenaan soalan tersebut, yang disiarkan oleh majalah ini dalam keluaran yang lalu dengan perasaan terharu dan seakan-akan tak percaya yang tulisan itu datang daripadanya. Haji Nik Muhammad Adib, yang menjadi kadi besar itu seorang rakan saya yang saya hormati dan hargai fikirannya. Tetapi yang demikian itu tidaklah akan mengikat saya daripada menegurnya apabila fikirannya saya pandang terbatas atau tergelincir. Sikap saya suka menegur rakan-rakan adalah diketahui benar oleh saudara Nik Adib itu. Oleh itu saya percaya yang beliau akan menerima teguran saya itu dengan baik dan dengan dada yang lapang.

Tulisan atau rencana Nik Adib itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama berkenaan dengan perempuan mesti bekerjasama dengan lelaki-lelaki bagi mengimarahkan dunia dan memajukannya. Dalam perkara ini saudara Nik Adib telah menyentuh beberapa ayat sebagai menguatkan pandangannya. Bahagian yang kedua ialah berkenaan dengan adab tertib dan sopan santun yang menjadi syarat dalam pergaulan perempuan dengan lelaki.

Setelah saya halusi kedua-dua bahagian tersebut dan Alasan-alasan serta hujah-hujah xxxxx saya telah dapati bahawa Saudara Nik Adib sendiri tidak bersetuju dengan

pergaulan antara lelaki dengan perempuan kerana dia sendiri telah menyentuh dan menyatakan beberapa syarat yang ketat bagi pergaulan yang sudah tentu tidak dapat dipenuhi di negeri kita ini kerana kuat kuasa memerintah bukan di tangan kerajaan Islam yang tulen. Pendek kata adalah bahagian yang kedua dalam rencana ini telah meruntuhkan sama sekali segala hujah dan alasan-alasan yang disebutkan dalam bahagian pertama.

Sungguhpun bahagian yang pertama itu telah diruntuhkan Sendiri oleh saudara Nik Adib, tetapi saya patuh memberi sedikit teguran dan ulasan atas hujah-hujahnya dalam bahagian yang pertama itu.

Saudara Nik Adib telah teriya-ya benar mengatakan adalah tanggungan manusia lelaki dan perempuan ialah bekerjasama tentang mengimarahkan dan memajukan dunia ini. Beliau menguatkan pendapatnya itu dengan satu ayat Quran: Inna ‘aradna almanat.....ilakh.”

Saya bersetuju dan semua orang bersetuju bahawa adalah menjadi tanggungan lelaki dan perempuan bekerjasama pada mengimarahkan dunia ini. Tetapi bekerjasama itu bukan maknanya bergaul dan bercampur aduk bagaimana keadaan yang kita lihat sekarang malahan kerjasama itu maknanya adalah masing-masing dalam lapangannya yang tertentu dan kawasan yang tersendiri bekerja mengimarah dan memajukan dunia ini. Kita semua tahu bahawa perkara-perkara iktisad, ahli-ahli siasah,

jurutera-jurutera, doktor-doktor, nelayan-nelayan lagi adalah semuanya bekerjasama pada memajukan dunia ini tetapi kerjasama itu tidak bererti yang jurutera itu mencampuri lapangan perubatan atau doktor-doktor itu mencampuri lapangan jurutera inilah makna kerjasama yang tidak ada lain maknanya di dalam bab ini. Kiranya ditafsirkan juga kerjasama itu bahawa perempuan itu mesti bercampur aduk dengan lelaki dan bergaul dengannya maka betullah segala peraturan yang ada di dalam dunia ini yang telah menguntukkan bagi sesuatu pihak atau golongan atau jenis itu pekerjaan dan tanggungan yang tertentu baginya dan saya tak fikir saudara Nik Adib bersetuju dengan keadaan huru hara dan haru biru yang begitu rupa tentang pembahagian tanggungan dan kewajipan serta pekerjaan.

Barah yang percayakan dan amalkan campur gaul Itupun apabila hendak membahagi-bahagikan tanggungan dan kewajipan maka dibahagi-bahagikannya menurut dan mengikut kebolehan dan kesanggupan serta persediaan golongan yang hendak ditanggungkannya sesuatu kewajipan itu. Kebenaran itu kita boleh nampak terang pada kerja-kerja khas, yang barah untuknya bagi perempuan. Maka cara barah seumpama itu tidak boleh dikatakan bukan bekerjasama sebab tidak dicampur adukkan.

Siapa pun tidak akan bersetuju dengan pendapat yang Mengatakan bahawa kerjasama itu maknanya campur aduk dan bergaul. Sebagai satu missal yang lebih terang dan senang saya sebutkan di sini kerjasama di antara ahli-ahli satu pasukan bola sepak yang tiap-tiap seorang duduk di tempatnya sebagai memberikan kerjasamanya kepada pasukan itu. Maka kalau anggota-anggota pasukan itu bercampur-aduk dan bergaul dengan tak tentu tempat dan hala maka rosaklah kerjasama yang akan membawa kemenangan pasukan itu.

Di dalam sesebuah persekutuan misalnya sesemua ahli-ahlinya bekerjasama bagi menjayakan tujuan-tujuannya. Tetapi tidak bererti bahawa ahli-ahli persekutuan itu mesti campur

aduk dalam menjalankan tanggungan mereka bagi manjayakan persekutuan mereka. Malahan masing-masing akan bekerja dalam lapangan yang tertentu baginya dan masing-masing akan bekerja mengikut kesanggupan dan kebolehannya.

Saya fikir keterangan ini telah memadai bagi membatalkan hujah dan ulasan yang diberi oleh saudara Nik Adib yang mengenai bahawa kerjasama di antara lelaki dengan perempuan untuk mengimarahkan dunia ini berkehendakan campur gaul antara keduanya lelaki dan perempuan masing-masing dalam lapangannya boleh mengimarah dan memajukan dunia ini.


Saudara Nik Adib telah menyebut kisah anak perempuan Saidina Syuib sebagai dalil yang menunjukkan bahawa campur gaul lelaki dengan perempuan itu sangat-sangat dikehendaki. Tetapi setelah saya tatap betul-betul keadaan di sekeliling kisah itu maka terserlah di hadapan saya bahawa dalil itu tidak boleh dipakai bagi menguatkan pendapat beliau. Sebabnya ialah kerana dalam kisah ini nyata benar ada keadaan darurat yang memaksa dan mendesak. Maka keadaan darurat itu tidak boleh dipakai sama sekali pada memetapkan sesuatu hukum syarak untuk semua orang dan bagi semua masa

Takkanlah kalau Saidina Syuib mempunyai anak lelaki tergamak menyuruhnya atau membiarkan anak perempuannya pergi ke tempat yang ramai dan penuh dengan lelaki yang memberi minum untanya itu. Takkanlah Saidina Syuib pada ketika itu akan menyuruh anak perempuannya memanggil Saidina Musa kalau anak anak lelakinya ada.

Kalau pun takdirnya pada ketika itu anak lelaki Saidina Syuib ada maka perbuatan Saidina Musa menegur dan menanyakan kedua anak perempuan ditempat ambil air itu dan perbuatan Saidina Syuib menghantarkan anak perempuannya memanggil Saidina Musa itu tidak boleh digunakan sebagai satu alasan mengharuskan pergaulan dan campur aduk lelaki dan perempuan

Kalau pun ayat yang menceritakan kisah yang tersebut itu boleh diambil faham daripadanya bahawa pergaulan lelaki

perempuan bagaimana keadaan sekarang diharuskan. Maka adalah ayat itu bertentangan dengan lain-lain ayat dan hadis yang menjadi nas dalam soal pergaulan ini. Saudara Nik Adib tentu tidak akan menolak ayat-ayat dan hadis-hadis yang menjadi nas dalam hukum pergaulan ini dengan berpegang kepada satu ayat yang bukan menjadi nas dalam bab ini malahan hanya menunjukkan satu cerita bagi suatu keadaan yang bukan tujuannya hendak memberi kata putus dalam hukum pergaulan.



Suatu pandangan di Jeddah-iaitu pelabuhan yang terkenal kepada orang-orang yang hendak pergi haji. Pelabuhan ini mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi-tinggi dan menjadi pelabuhan yang utama di dalam Kerajaan Saudi Arabia

Katakanlah yang saudara Nik Adib berkeras juga Hendak menggunakan ayat yang menceritakan kejadian tersebut Sebagai nas di dalam masalah pergaulan ini. Maka apa katanya pada nas “*wakurna fi buyutikum*”? Dan apa pula katanya tentang suatu kejadian yang di dalamnya Rasulullah telah menyuruh isterinya masuk ke dalam biliknya apabila meorang sahabat yang buta datang kepadanya. Isteri Rasulullah itu telah bertanya bukankah lelaki itu tidak nampak lalu dijawab oleh baginda bukankah engkau nampakkan dia?

Dengan keterangan ini, saya tidak bermaksud hendak memenjarakan perempuan hingga ia menjadi kaku baku dan jahil, tidak... maksud saya hanyalah pada menyatakan hukum pergaulan maka soal kebebasan perempuan dalam sempadan-sempadan syarak kewajipannya menuntut ilmu tidak ada kena mengena atau sangkut paut dengan soal bergaul dan bercampur aduk.

Akan bahagian yang kedua dalam rencana Saudara Nik Adib itu tak payah saya ulas lagi kerana di situ beliau sendiri ia menyebutkan syarat-syarat bagi pergaulan yang pada pekerjaan saya tidak dapat ditunaikan atau dipenuhi dalam zaman serba rosak dan buruk ini

Saya yakin bahawa saudara Nik Adib sendiri tentu sedar bahawa syarat-syarat yang dikehendaknya bagi pergaulan itu tidak akan dapat disempurnakan dalam negeri seperti Tanah Melayu ini yang kuat kuasa pemerintahan bukan di dalam tangan Islam.

Saya tidak bersetuju dengan saudara Nik Adib bahawa Kalau perempuan sudah diajarkan sopan santun islam boleh dilepaskan bergaul macam yang ada sekarang kerana pelajaran sahaja tidak ada kuasa untuk mengawal dan menjaga kehendak-kehendak pelajaran itu tidak akan sampai ke mana-mana saudara Nik Adib tentu ingat satu kata hikmah dalam bahasa Arab yang demikian ini bunyinya “yauzau bi sultana maula yauzau bil quran”.

Setakat ini dahulu dan diharap maudara Nik Adib akan mengiktibarkan rencana saya ini sebagai bualan bertukar-tukar fikiran dengannya bagaimana yang biasa berlaku di antara saya dengannya waktu saya ada di Kelantan dua tahun dahulu.